

ISU

MASYARAKAT kini semakin kurang membeli dan membaca surat khabar. – Gambar hiasan



PENGGUNAAN tablet dan telefon pintar menjadi pilihan golongan remaja masa kini. – Gambar hiasan

Akhbar hanya bacaan alternatif remaja

ERA digital kini telah memberi impak yang sangat besar kepada kehidupan manusia termasuk kepada golongan belia dan remaja yang semakin celik teknologi maklumat dan komunikasi.

Teknologi internet dan tanpa wayar yang telah berkembang ke seluruh dunia sekitar tahun 1990-an semakin penting pada hari ini.

Jika skop tersebut difokuskan kepada pembacaan akhbar secara konvensional, ramai dalam kalangan pembaca khususnya dua golongan tersebut kurang berminat untuk membacanya kerana mereka lebih terarah untuk menggunakan gajet dan internet bagi mendapatkan informasi.

Akhirnya, pembacaan terhadap bahan fizikal seperti akhbar hanyalah sebagai alternatif dan bukan lagi keperluan yang mendesak.

Perkara itu diakui sendiri oleh **Pensyarah Kanan Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Dr. Akmar Hayati Ahmad Ghazali** dengan memberitahu, golongan remaja hanya membaca akhbar untuk dijadikan satu bentuk eskapisme.

“Berdasarkan kajian yang telah dijalankan pada tahun 2012 terhadap hampir 400 pelajar tingkatan 4 dan 5, kebanyakan daripada mereka hanya membaca akhbar sebagai satu cara untuk melarikan diri buat seketika daripada kebosanan atau tekanan yang dihadapi pada masa-masa tertentu.

“Malah, mereka juga hanya membaca akhbar dalam bentuk kognitif iaitu bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan berkaitan sesuatu perkara dan bukannya untuk menambah pengetahuan mengenai isu semasa,” katanya.

Jelas beliau, situasi tersebut berlaku disebabkan oleh remaja dan belia masa kini terlalu bergantung kepada penggunaan gajet dan teknologi internet untuk mendapatkan maklumat selain bagi

tujuan perhubungan sosial mereka.

Jika diteliti semula apa yang diperkatakan oleh Akmar Hayati berdasarkan kajian beliau itu, ia mungkin membenarkan apa yang telah dilaporkan oleh *The Digital News Report 2017* seperti yang disiarkan oleh kebanyakan media berita di negara ini pada awal September baru-baru ini.

Menurut laporan tersebut, pengguna internet di negara ini merupakan tertinggi di dunia yang menggunakan aplikasi WhatsApp iaitu 51 peratus bagi tujuan mendapatkan maklumat dan berkongsi cerita.

Penggunaan media sosial lain yang popular di Malaysia seperti Facebook pula mencapai sebanyak 58 peratus pengguna manakala YouTube sebanyak 26 peratus. Aplikasi WeChat dan Instagram pula masing-masing mencapai 13 peratus.

Sumber rujukan

Laporan tersebut turut menyatakan bahawa media sosial merupakan sumber rujukan utama yang menjadi pilihan kebanyakan rakyat Malaysia untuk mendapatkan berita mengenai sesuatu isu iaitu sebanyak 86 peratus, sumber bercetak (45 peratus), televisyen (54 peratus) dan radio (15 peratus).

Jika dilihat secara logik akal, apa yang dilaporkan oleh *The Digital News Report 2017* itu menggambarkan bahawa rakyat negara ini sudah beralih kepada media baharu atau media alternatif untuk mendapatkan maklumat terutama berita berkaitan isu semasa.

Akhbar sudah menjadi pilihan kedua dan hanya akan digunakan atau dibaca untuk memenuhi keperluan pada masa-masa tertentu, seperti yang dirumuskan oleh Akmar Hayati di dalam kajiannya itu.

Pensyarah Pusat Pengajian Media dan Komunikasi, Fakulti Sains Sosial,

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Madya Ali Salman turut berpendapat media sosial yang menggunakan platform teknologi internet kini sudah menjadi pilihan utama rakyat di negara termasuk golongan belia dan remaja untuk mendapatkan maklumat termasuk berita.

Katanya, berdasarkan kajian yang dilaksanakan pada Jun baru-baru ini terhadap 1,000 responden pelbagai peringkat usia, sebahagian besar daripada mereka terutama yang berusia antara 18 hingga 39 tahun memilih media sosial sebagai sumber maklumat utama.

“Daripada kajian tersebut, akhbar telah menjadi pilihan kedua manakala televisyen jatuh ke tangga ketiga.

“Walaupun begitu, sebahagian besar mereka masih menganggap akhbar dan televisyen sebagai sumber berita yang menyediakan berita yang sahih dan mereka masih mempunyai kepercayaan yang tinggi terhadap kedua-dua media tersebut,” katanya.

Jelas Ali lagi, kecenderungan anggota masyarakat menjadikan media sosial sebagai sumber maklumat utama adalah disebabkan oleh desakan dan keinginan mereka untuk lebih bebas mendapatkan maklumat selain kononnya tidak mahu terikat dengan akhbar dan televisyen yang dianggap sebagai propaganda pemerintah.

Bagaimanapun katanya, sejak akhir-akhir ini, sudah wujud trend kesedaran dalam kalangan masyarakat mengenai kepentingan untuk mendapatkan kesahihan dan kebenaran sesuatu berita yang diperolehi termasuk daripada laman media sosial.

Keadaan itu jelasnya menyebabkan mereka kembali merujuk kepada akhbar sebagai sumber berita yang boleh dipercayai di samping menjadikan media sosial sebagai platform pencairan maklumat tambahan.



AKMAR HAYATI



ALI